

MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	24 May 2017	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Dlm Negeri	Color	Full Color
Page No	11	ArticleSize	454 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 9,055	PR Value	RM 27,165



# Hadapi terrorisme secara rasional



**D**ALAM bahasa Inggeris, kata dasar bagi istilah *terrorism* adalah *terror* yang bermaksud ketakutan yang melampau. Perkataan *irhab* dalam bahasa Arab pula, yang membawa maksud terrorisme, berasal dari istilah *rahbun* yang juga bererti ketakutan. Hakikatnya, itulah matlamat utama terrorisme. Aksi keganasan dilancarkan bagi menimbulkan rasa geruni anggota masyarakat dalam sesebuah negara atau seantero dunia.

Maka para pengganas memilih lokasi yang strategik sebagai sasaran bagi memaksimumkan impak dari serangan yang direncanakan. Kemajuan media komunikasi hari ini secara tidak langsung melebarkan lagi kesan serta-merta dari insiden terrorisme yang berlaku, lantas menyebarkan ketakutan dalam masyarakat.

Daripada ketakutan yang timbul, kita mudah bertindak secara emosional mengatasi garisan rasional. Reaksi sebegitu bukan sahaja boleh menjadikan tindakan melawan terrorisme tidak berkesan, bahkan juga tidak efektif dan memudaratkan kepada masyarakat dan negara.

Contoh terbaik adalah tindakan sesebuah negara dengan sewenang-wenangnya melancarkan perang terhadap negara lain atas alasan memerangi keganasan tanpa persetujuan antarabangsa, lantaran satu atau dua serangan yang berlaku di negaranya. Tindakan reaktif ini bukan sahaja tidak berpadanan, bahkan berupaya melahirkan lebih ramai pendukung dan penyokong keganasan.

Pada tahap ini, kemenangan sudah pun di pihak pengganas. Mereka bukan sahaja berjaya menggerunkan dunia dengan tindakan mereka, bahkan menuai keuntungan dalam bentuk sokongan dan legitimasi.

Bagi mengambil tindakan secara waras dan rasional dalam berdepan terrorisme, tiga elemen penting yang wajar kita hadamkan. Tiga aspek berikut mene-

kankan tentang sifat dan perihal fenomena keganasan, pengganas dan tindakan keganasan.

Pertama, fenomena terrorisme bukanlah suatu yang baharu. Sepanjang peradaban manusia, bermacam ragam peristiwa terrorisme berlaku merata dunia. Dalam konteks Malaysia, kita telah melalui jerit perih ketika era darurat (1948-1960) melawan pengganas Komunis. Bahkan sebelum itu juga, ada banyak lagi perbuatan yang boleh dianggap tindakan terrorisme jika definisinya dibesarkan kepada segala tindakan kekerasan yang dilakukan demi mencapai tujuan politik.

Biarpun terdapat beberapa perbezaan taktik dan ideologi antara terrorisme 'baharu' dan 'lama', pengkaji terrorisme membuat andaian fenomena ini sebagai sering berkait dan berkesinambungan. Melihat fenomena keganasan hari ini sebagai suatu yang baharu dan sukar untuk difahami akan hanya menjadikan tindakan kita bersifat defensif. Secara lumrahnya, kita takut akan kegelapan lantaran tidak tahu akan apa yang ada di situ. Namun terrorisme hari ini bukan terlalu berbeza dari yang terdahulu, dan pengalaman yang ada wajar dimanfaatkan.

Perkara kedua, tindakan yang dilakukan pengganas adalah kesalahan jenayah. Maka sewajarnya undang-undang jenayah sedia ada diberi keutamaan dalam bertindak balas. Namun malangnya, kita seringkali melihat tindakan pengganas sebagai suatu yang terlalu unik dan dahsyat, maka tindakan dan undang-undang luar biasa perlu diambil untuk menanganinya. Hakikatnya, perbuatan seperti membunuh, mendatangkan kecederaan, merosakkan harta benda dan menculik yang kita lihat dalam insiden-insiden keganasan adalah perbuatan jenayah yang sudah menjadi masalah kepada manusia sejak dulu.

Boleh dikatakan semua negara mempunyai undang-undang bagi membasmi perbuatan-perbuatan tersebut. Penggunaan undang-undang jenayah sebegini dapat menarik kita untuk melihat terrorisme bukan sebagai suatu fenomena yang berhantu, tetapi sebagai satu jenis jenayah yang

boleh ditangani. Penggubalan dan penggunaan undang-undang khas terrorisme sememangnya tidak dapat dielakkan, namun memberi keutamaan kepada undang-undang biasa dalam menangani keganasan menonjolkan sikap kita yang tidak mudah melatah dengan provokasi terrorisme.

Perkara ketiga, pengganas bukan lembaga ghaib atau makhluk asing tapi manusia yang lahir daripada masyarakat sebagaimana kita. Maka segala tindakan dan pertimbangan yang mereka buat adalah cerminan dari nilai dan keadaan sesebuah masyarakat.

Tiada satu individu yang bertukar menjadi pengganas dengan sekelip mata dan sedia mencederakan orang lain. Oleh itu, kita perlu sedia untuk menyemak dan muhasabah untuk melihat kembali sejauh mana masyarakat kita sudah terbiasa dengan tindak kekerasan atau pandangan yang melampau.

Tahap kebingkasan atau ketahanan masyarakat kita dalam berdepan fenomena terrorisme ini juga sewajarnya diberi perhatian. Semua ini pastinya dapat diterokai dan difahami jika setiap anggota masyarakat sanggup duduk bersama berbincang secara tulus dan berlapang dada.

Tanpa ragu, fenomena terrorisme ini mengancam kita semua. Namun kita perlu bertindak secara rasional agar tidak membuka ruang untuk dimanipulasi. Profesor Frank Furedi dalam bukunya *Invitation to Terror* menegaskan bahawa pengganas sudah pun meraih kejayaan apabila masyarakat yang disasarkan bertindak balas menurut apa yang dikehendaki mereka. Kita perlu bangun dan tidak membuka ruang untuk ditakut-takutkan atau *refusing to be terrorised*.

Golongan pengganas ingin melihat kita mengambil tindakan mengatasi prinsip berperlembagaan, kedaulatan undang-undang dan hak-hak manusia yang kita sanjungi. Jika kita mengorbankan prinsip-prinsip tersebut, kata bekas Setiausaha Agung PBB, Kofi Annan, kita sebenarnya telah menghulurkan kemenangan kepada pengganas.

**PENULIS** ialah tenaga akademik Pusat Pengajian Undang-undang, Universiti Utara

Headline	Hadapi terrorisme secara rasional		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	24 May 2017	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Dlm Negeri	Color	Full Color
Page No	11	ArticleSize	454 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 9,055	PR Value	RM 27,165

Malaysia (UUM), yang sedang melanjutkan pengajian PhD di United Kingdom.



**PARA** penganas cenderung memilih lokasi strategik sebagai sasaran bagi memaksimumkan impak daripada serangan yang direncanakan. - GAMBAR HIASAN/REUTERS